

**LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
KENYATAAN TAWARAN LKIM : S11/2019**

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) untuk perkhidmatan berikut:

**PERKHIDMATAN DAN PEMBEKALAN TENAGA KERJA SELAMA SATU
(1) TAHUN DI PUSAT LATIHAN LKIM CAMAR LAUT, SEPANG,
SELANGOR (LKIM :S11/2019)**

Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)	221104 – TENAGA BURUH
Harga Dokumen	RM10.00
Tarikh Tawaran	Mulai 25/3/2019 (Isnin) sehingga 2/4/2019 (Selasa) Kontraktor yang telah berdaftar dengan LKIM serta berminat untuk membeli dokumen sila layari laman web http://www.tenderwizard.my/LKIM No telefon 03-80649113/9137/7455/7463
Tarikh tutup	Tawaran hendaklah dihantar ke http://www.tenderwizard.my/LKIM pada 2 April 2019 tepat jam 12.00 tengahari

**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN DAN PEMBEKALAN TENAGA KERJA
SELAMA SATU (1) TAHUN DI PUSAT LATIHAN LKIM CAMAR LAUT,
SEPANG, SELANGOR
(LKIM:S11/2019)**

Sebutharga ini adalah dipelawa kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **221104 –TENAGA BURUH** untuk melaksanakan Perkhidmatan dan pembekalan tenaga kerja selama satu (1) tahun di Pusat Latihan LKIM Camar Laut, Sepang, Selangor.

Spesifikasi ini adalah untuk memenuhi keperluan tenaga pekerja di Pusat Latihan LKIM Camar Laut .Ia melibatkan sepuluh (10) kakitangan bertaraf sementara Butiran spesifikasi kerja-kerja membekal tenaga kerja di Pusat Latihan LKIM Camar Laut adalah seperti berikut:

Penyebutharga adalah bertanggung jawab :

- 1) Membayar gaji mengikut kadar kesusahan kerja (degree of difficulty) dan meliputi elaun ,tuntutan elaun lebih masa ,caruman KWSP (pekerja dan Majikan) dan caruman Perkeso (pekerja dan majikan)
Cuti mengikut jadual yang di ditetapkan oleh Pihak Pengurusan Camar Laut
 - 2) Syarikat mestilah mempunyai kod bidang perkhidmatan pembekalan pekerja yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan sijil masih sah tempoh (sila sertakan salinan sijil berkaitan) **No kod Bidang 221104**
- 2.Pembekal diwajibkan mengisi Borang Sebutharga dan Jadual Harga Tawaran sebagaimana yang disediakan.
 - 3.Pembekal diwajibkan membekal perkhidmatan yang berkualiti sahaja kepada pihak LKIM. Sekiranya di dapati tidak berkualiti, pembekal wajib bertanggungjawab menggantikan perkhidmatan tersebut.
 - 4.Lokasi penghantaran perkhidmatan tersebut adalah di alamat berikut:

**PUSAT LATIHAN LKIM CAMAR LAUT
BAGAN LALANG,
43850 SUNGAI PELEK, SEPANG, SELANGOR**

- 5.Pembekal diwajibkan mengemukakan salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Tarikh tamat tempoh sijil mesti tidak kurang 3 bulan dari tarikh tutup sebutharga.
- 6.Pembekal diwajibkan mengemukakan salinan penyata akaun syarikat terkini untuk tempoh **tiga (3) bulan terakhir**.
- 7.Pihak LKIM tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-man sebutharga.
- 8.Pihak LKIM adalah berhak untuk meminda atau membatalkan mana-mana syarat yang terkandung dalam pelawaan sebutharga ini pada bila-bila masa

selepas pelawaan sebutharga ini dikeluarkan tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.

9. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan butir-butir sebutharga ini bolehlah dirujuk kepada:

**PUSAT LATIHAN LKIM CAMAR LAUT
BAGAN LALANG,
43850 SUNGAI PELEK, SEPANG, SELANGOR
No telefon 03-31411912/15 pada waktu pejabat Isnin hingga Jumaat
8.30 pagi sehingga 4.30 petang**

10. Menandakan dan mengirim sebutharga ke Tender Wizard LKIM selewat-lewatnya sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup sebutharga tersebut.

11. Sebutharga yang diterima mengandungi dokumen yang tidak lengkap dan tidak mengikut arahan-arahan di atas tidak akan dipertimbangkan.

12. Sebutharga ini ditutup pada : **2 APRIL 2019**

13. Harga

1. Semua harga sebutharga mestilah dinyatakan dalam **Ringgit Malaysia (RM)**
2. Harga yang tersebutkan dalam sebutharga hendaklah sah lakunya dalam tempoh tidak kurang daripada **90 hari** dari tarikh tutup sebutharga.
3. Setiap penyebutharga adalah diwajibkan mengisi semua ruang pada Jadual Tawaran Harga S11/2019 (Jadual 1)

14. Denda Lewat Bekalan

1. Sekiranya penyebutharga yang berjaya gagal membekal dan menghantar bekalan yang dipesan dalam tempoh yang dijanjikan oleh penyebutharga, maka dengan ini LKIM adalah berhak menuntut dari penyebutharga bayaran denda pembekalan/perkhidmatan selama tempoh lewat serahan bekalan. Kadar denda seperti berikut:-

2. Formula : $V(T + D) \times 5\% / T$

V = Nilai bekalan yang lewat dibekalkan

T = Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari

D = Bilangan hari yang lewat

3. Bagi kerja-kerja yang terpaksa ditangguhkan disebabkan oleh kes-kes yang diluar kawalan penyebutharga seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, bahaya laut atau yang seumpama

dengannya , maka LKIM boleh membenarkan perlanjutan tempoh kerja tersebut dengan syarat penyebutharga perlu mengemukakan notis tentang sebab-sebab kerja itu tertangguh dan masa yang diperlukan.

15. Prestasi Peralatan Dan Perkhidmatan

1. Penyebutharga mestilah memberi jaminan bahawa semua bekalan yang dibekalkan adalah baru, belum digunakan, berkualiti dan dapat berfungsi dengan baik.
2. Sebarang item yang pada asalnya tidak dicadangkan oleh penyebutharga yang Berjaya dalam tawaran sebutarganya tetapi diperlukan untuk menjayakan tujuan dan objektif sebutarga ini, ianya hendaklah dibekalkan dan ditanggung oleh penyebutharga tersebut.
3. Penyebutharga adalah bertanggungjawab memastikan bekalan dapat berfungsi dan beroperasi di tahap yang memuaskan sebelum ianya diserahkan dan diterima dengan rasmi oleh LKIM.

16. Penyebutharga yang Berjaya hendaklah membekalkan peralatan tersebut dengan menyatakan/membuatkan ketulenan peralatan yang dibekalkan.

17. Keengganan mematuhi syarat-syarat di atas akan menyebabkan sebutarga ditolak.